

Imej anthropomorphic dalam Gua Kain Hitam (Painted Cave) Sarawak

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan imej figuratif yang terdapat di dalam Gua Kain Hitam (Painted Cave) Niah, Sarawak. Beberapa imej figuratif ini dihasilkan dengan gaya dan bentuk yang dinamik. Namun, posisi rupa imej yang amat dominan adalah kedudukan tangan dan kaki terbuka. Imej ini membawa mesej tertentu dan mempunyai hubung kait dengan cara hidup dan kepercayaan masyarakat prasejarah pada ketika itu. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini menjelaskan reka bentuk dan menganalisis makna yang terkandung dalam imej. Penulis menggunakan Teori Ikonografi dalam usaha menganalisis imej prasejarah ini.